

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. اللَّهُ أَكْرَمُ
persidangan yang diadakan pada sebelah
pagi tadi kita telah mula mendengar
Ucapan Penangguhan. Saya masih lagi
mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat
yang suka ikut serta untuk membuat
Ucapan Penangguhan mereka. Maka,
untuk tidak membuang masa lagi saya
persilakan sekarang Yang Berhormat
Awang Naim bin Haji Khamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin
Haji Khamis:**

Terima kasih Yang
Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam
sejahtera.

1. Marilah kita bersyukur ke hadrat
اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana-Nya jua kita
masih bernafas diberikan kesihatan
dan diberikan ruang masa yang
membolehkan kita sama-sama hadir
dalam rangka acara Ucapan
Penangguhan Majlis Mesyuarat
Pertama Dari Musim Permesyuaratan
Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat
Negara Tahun 2021 dan seterusnya
menjunjung kasih setinggi-tingginya
Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Muizzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar
'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam atas keprihatinan
baginda terhadap keselamatan,

kesejahteraan dan kesihatan rakyat
baginda dalam menghadapi
COVID-19 ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam
kesempatan keemasan ini, kaola
lebih dahulu merakamkan setinggi-
tinggi tahniah dan penghargaan
kepada Yang Berhormat Yang
Di-Pertua kerana telah berjaya
mempengerusikan dan memimpin
persidangan dengan bijaksana serta
dalam suasana harmoni, muhibah
dan saling menghormati. Begitu juga
dengan Yang Dimuliakan Jurutulis
dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis
Majlis Mesyuarat Negara serta
pegawai dan kakitangan Jabatan
Majlis-Majlis Mesyuarat yang sentiasa
memberikan kerjasama yang padu.

Kaola ingin merakamkan
penghargaan yang setinggi-tingginya
dan terima kasih kepada Ahli-Ahli
Yang Berhormat Menteri-Menteri
yang berkenaan yang begitu tabah
mendengar pendapat dan saranan
serta soalan yang diajukan oleh Ahli-
Ahli Yang Berhormat dengan
memberikan penjelasan kepada
program-program kemajuan dan
perkembangan serta pelaksanaan
projek-projek kementerian masing-
masing sama ada yang telah berjalan
mahupun yang akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua
dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.
Persidangan Mesyuarat Pertama
Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh
Belas Majlis Mesyuarat Negara
Tahun 2021 yang bermula pada

15 Mac 2021 sebentar lagi akan berakhir. Sepanjang permesyuaratan dijalankan, perbincangan dan persoalan menjurus dan mengambil kira akan nasihat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 15 Mac 2021 yang lalu hingga ke hari ini. Kita telah banyak menyentuh dan membahaskan dalam bidang perekonomian, kemajuan dan peluang-peluang pekerjaan bagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta negara kita kasihi ini dan tidak terkecuali masalah pengangguran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin membangkitkan dan mencadangkan pembaikan terhadap beberapa isu yang mungkin sesuai diguna pakai. Pertama mengenai isu bekalan air tidak ada atau tekanan air rendah. Masalah ini sudah lama dan masih berlaku dan serba sedikit menjejaskan kehidupan masyarakat terutama sekali apabila terjadinya rangkaian paip terpaksa ditutup disebabkan oleh paip utama pecah. Masalah ini boleh diatasi dengan adanya teknologi atau sistem terkini iaitu dengan memasang sistem amaran awal di lokasi-lokasi strategik yang memaklumkan pihak yang berkenaan secara bersistem yang paras air ditangki-tangki utama

menurun parasnya dan dengan penurunan itu menunjukkan yang ada masalah kepada saluran paip masuk ke tangki berkenaan dan dengan amaran awal ini juga akan memudahkan pihak-pihak yang berkenaan bertindak cepat dan proaktif sebelum air tidak cukup dan tidak sampai ke rumah-rumah seperti yang terjadi sebelum ini.;

2. Masalah isu rakyat menunggu perumahan negara yang lama. Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak kendur-kendurnya dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat dengan adanya kemudahan-kemudahan kepada rakyat termasuk rumah kediaman Skim Perumahan Negara. Mengikut apa yang dilaporkan sebelum ini, lebih kurang daripada 28,000 rumah dibina di beberapa buah tapak. Penerima-penerima yang layak telah pun menikmati kemudahan ini sejak skim perumahan ini dilaksanakan beberapa dekad yang lalu.

Walau bagaimanapun, ada lagi aduan-aduan yang didengar dan diterima dari kalangan rakyat yang masih menunggu dan ada juga yang telah bertahun-tahun menunggu rumah berkenaan walaupun sudah menerima surat mengenainya. Saya juga difahamkan bahawa jumlah dalam senarai menunggu ini adalah masih ramai. Ke arah itu, ada baiknya kerajaan memperkasa keterlibatan di sektor swasta tempatan seperti

bank-bank untuk menyediakan rumah-rumah dengan menyesuaikan kemampuan rakyat dari pelbagai peringkat pendapatan atau dengan cara memberikan kepada mereka yang mempunyai tanah *TOL* syarat perumahan kepada geran tanah kekal bagi membolehkan mereka berkenaan membina rumah kekal dengan perbelanjaan sendiri ataupun pinjaman daripada bank-bank ataupun kerajaan jika mereka masih berkhidmat dengan perkhidmatan awam, Negara Brunei Darussalam.;

3. Isu hutan terbakar akibat perubahan iklim yang mengakibatkan keadaan cuaca yang terlalu panas di samping oleh kecuaiian manusia itu sendiri. Ke arah ini, dicadangkan supaya kementerian yang berkenaan dan agensi yang berkaitan apa kiranya diterokai penggunaan teknologi dan sistem amaran awal bagi mengesan kawasan hutan yang akan terbakar melalui *sensor* suhu tertentu yang akan mengaktifkan sistem amaran awal berkenaan sebelum kawasan hutan itu terbakar sepenuhnya. Dengan adanya sistem ini yang akan memudahkan tindakan cepat dan proaktif, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dan berkenaan yang lainnya pergi ke kawasan berkenaan untuk tindakan awal sebelum kawasan terbakar atau merebak luas.; dan
4. Cadangan muzium-muzium berbayar untuk pelancong-pelancong asing. Cadangan ini telah diusulkan beberapa tahun yang lalu

(tahun 2017) dan sehingga sekarang belum ada penetapan mengenainya. Dalam hubungan ini juga, kaola ingin menyampaikan harapan rakyat dan penduduk negara ini supaya pihak kerajaan perlulah memperkuat lagi sistem pentadbiran yang ada supaya tidak ada ketirisan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan seperti mengikuti peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang sedia ada bagi mengelakkan pilih kasih ataupun kezaliman. Dalam pada itu rakyat dan penduduk juga menyokong penuh akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya yang berkaitan dengan pembangunan modal insan, ekonomi dan usaha mengukuhkan kedayatahan fiskal negara. Perlulah ditanai oleh semua lapisan terutama sekali pemegang dasar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum mengakhiri ucapan kaola ini, kaola sukacita menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa semua peruntukan yang sudah diluluskan akan dapat digunakan sepenuhnya dengan mengambil kira pada sesuatu projek yang telah di rancang akan dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan.

Dalam kesempatan ini juga kaola mewakili penduduk kawasan zon 3 khususnya Kampung Ayer merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan

terima kasih kepada Kementerian Tenaga dan BSM yang telah membina sebuah stesen minyak di Kampung Buang Sakar yang pembinaannya sedang berjalan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dijangka siap pada penghujung tahun 2021 ini. Bagi memastikan bekalan minyak yang mencukupi bagi penduduk-penduduk yang menggunakan dan mempunyai motobot serta perahu tambang sebagai pengangkutan dan mata pencarian.

Sebelum menutup Ucapan Penangguhan ini sekali lagi kaola merafak sembah dan menyunjung kasih atas kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kaola menganggotai majlis yang mulia ini.

Akhirnya marilah kita berdoa semoga **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan mengurniakan petunjuk dan hidayah-Nya, membuka minda, menyatukan hati dan membimbing kita semua ke arah jalan-jalan yang berkebajikan dan mengharungi cabaran ini dengan tabah, ikhlas dan penuh keredaan.

Dalam kesempatan ini juga, kaola memohon ampun dan maaf sekiranya ada tingkah laku dan sorok langkah serta kata-kata dan cadangan-cadangan yang kurang elok mohon ampun dan kemaafan jua. Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola menggabungkan diri menyokong Ucapan Penangguhan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi.

Dalam kesempatan ini lebih dahulu kaola mengucapkan syabas dan tahniah pada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin mesyuarat dalam Dewan yang mulia ini dengan cemerlang dengan dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Peruntukan Belanjawan 2021/2022 telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara yang baru selesai. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** jua kita bersyukur kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kitani nampak kecemerlangan usaha-usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi melalui industri selain sektor minyak dan gas. Seperti yang kita maklum sektor-sektor seperti perbankan perkhidmatan

pengangkutan dan agrimakanan dan pelancongan beberapa sektor yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan menaikkan fiskal negara.

Bisai juga barangkali kaola tambah sektor harta tanah, pembangunan komersial dan perumahan yang kaola percaya juga boleh menyumbang dengan syarat adanya dasar-dasar dan strategi yang benar-benar memudah cara urusan pengusaha tempatan dan pelabur asing. Menyentuh mengenai sektor pelancongan kaola sukacita mengusulkan supaya peruntukan bagi meningkatkan taraf tempat-tempat menarik. Terutama sekali yang menarik rakyat tempatan untuk berbelanja dalam negara akan dapat ditambah dengan adanya peruntukan tambahan itu di bawah *MPRT* dan mempelbagaikan lagi tarikan pelancong dalam dan luar negara dan tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Walaupun projek-projek RKN-11 pada tahun kewangan 2021/2022 adalah berkurangan dari tahun sebelumnya kaola percaya bukanlah satu faktor yang akan menjejaskan faktor industri dan persahabatan di negara ini. Kaola percaya ia hasrat untuk perkasa sebagai sektor swasta dalam projek-projek yang dipercayai berunsur komersial dan penjimatan besar kerajaan. Ini adalah langkah yang disokong bagi mencari satu pendekatan yang seimbang antara kerajaan dan sektor swasta dalam dasar-dasar memudah cara dan proses lebih mesra pelabur. Kaola percaya

pendekatan yang seimbang yang kaola maksudkan akan dapat dicapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola penuh percaya bahawa visi dan misi setiap kementerian yang berkaitan akan sentiasa memastikan keperluan ke arah peningkatan ekonomi negara adalah agenda utama dalam memberikan tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk membangun ekonomi yang mampan yang diharap dapat dilaksanakan dengan jayanya demi kepentingan rakyat khususnya dan negara amnya, amin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola tidaklah akan berpanjang lebar dalam ucapan kaola sebagai penutup Ucapan Penangguhan ini. Kaola mengambil kesempatan untuk memohon kemaafan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta semua warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat jika terdapat tingkah laku yang kurang sopan dan perkataan yang menyinggung perasaan yang tidak disengajakan sepanjang tempoh mesyuarat ini.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Alhamdulillah rabbi alamin wabi nastain selawat dan salam kepada Rasul junjungan Nabi Muhammad Sallah alihi wa salam suri tauladan sepanjang zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Sebagaimana yang telah kita maklumi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara 2021 yang mensasarkan kepada 3 perkara utama iaitu membangunkan modal insan, mengukuhkan ekonomi dan fiskal negara serta merangka dasar yang tulus dan berani.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam kita sedia tahu bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai *comparative advantage* di bidang kewangan, pendidikan, perkhidmatan kesihatan iaitu rehabilitasi, *eco-tourism* dan budaya Islam. Kaola berpendapat dengan menjadi negara ini sebagai *Business Culture Center*, ia akan memberi kemanfaatan kepada Negara Brunei Darussalam untuk berpotensi meraih rakyat yang berpendapatan dan kehidupan berkualiti tinggi, menjana pertumbuhan ekonomi terhadap peluang pekerjaan tinggi, berpendidikan,

berkemahiran tinggi dan berjaya meraih kestabilan keamanan dari ancaman luar.

Antara strategi yang perlu kita terokai ialah memfokuskan kepada alternatif program sebagai usaha memperkembangkan ekonomi secara berterusan. *Business Culture Center (BCC)* ini nanti akan dapat menjanjikan pengurangan kadar pengangguran, meningkatkan pendapatan rakyat dan pertumbuhan tinggi per kapita yang berterusan.

Rakyat yang berkemahiran tinggi dan berinovasi dengan cemerlang. *BCC* ini bukan sahaja akan mewujudkan permintaan tinggi di Sektor Pendidikan dan budaya malah ia akan menjamin kedayatahan. Dengan strategi ini akan menerapkan kekuatan sumber yang sudah dimiliki untuk mengatasi kelemahan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pengumpulan data-data yang efisien dan relevan sangat penting untuk penstrukturan semula dan penambahbaikan dasar-dasar yang sedia ada demi memastikan dasar-dasar tersebut lebih relevan dan komprehensif antaranya memperkenalkan *New Immigration Policy*, dasar-dasar pelaburan dalam negara dan *Foreign Direct Investment (FDI)*.

Di samping itu keperluan untuk penambahbaikan prosedur semasa penting bagi meningkatkan kesepaduan dan efisiensi pentadbiran. Adalah menjadi tanggungjawab sebagai Negara Zikir kita perlu memberi tumpuan kepada isu-isu halal yang mencapai *halalan taiban* secara menyeluruh. Sukacita

kaola menyarankan untuk pengambilan pensijilan halal diberikan pihak konsultan yang dilantik dan diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam yang menjimat kos kepada kerajaan dan akan menjadikan lebih efisien.

Fiskal negara boleh ditingkatkan lagi dengan memberikan tumpuan khusus kepada penambahbaikan dan mengemaskinikan prosedur pengutipan hasil di kementerian-kementerian dengan menswastakan beberapa perkhidmatan *non-core* dan berpotensi menjadi kompetitif seperti kutipan pembayaran Skim Perumahan Negara, penswastaaan sistem pendidikan tinggi, perkhidmatan cawangan pengedaran ubat-ubatan dan lain-lain.

Dengan ini, ia akan dapat mengatasi ketirisan dan kelemahan dalam kutipan pembayaran balik Skim Perumahan Negara, Tabung Amamah Perkerja (TAP) juga dapat dilibatkan dan memainkan peranan ke arah mencapai inisiatif ini.

TAP akan berperanan menjadi pelabur dan akan memperoleh pulangan pelaburan yang *sustainable*. Manakala penswastaaan institusi pengajian tinggi juga dilihat akan dapat mengadakan lebih usaha untuk mengembangkan dan menaik taraf bukan sahaja sebagai latihan kepada pemimpin untuk generasi masa depan tetapi juga untuk mendukung dan meningkatkan struktur ekonomi negara ia akan meningkatkan jumlah kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa dan tempatan di institusi pendidikan tinggi di negara ini. Penswastaaan perkhidmatan pengedaran

ubat-ubatan pula akan meningkatkan fasiliti pengagihan dan semua aspek pengurusan ubat-ubatan dan menerapkan penjimatan kos kepada kerajaan ini sekali gus akan mencetuskan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, khusus bagi pengusaha mikro dan kecil seperti penjaja di pinggir jalan adalah perlu diberikan perhatian dengan menyediakan keperluan asas yang diperlukan termasuk memodenkan aktiviti-aktiviti yang meningkatkan produktiviti serta pendapatan mereka. Antara sektor yang lain sebagai strategik adalah Sektor Pertanian dan Peladangan dengan menerapkan teknologi-teknologi terkini adalah menjadi keutamaan dalam direalisasikan. Penglibatan UNISSA dalam sektor ini sebahagian daripada usaha yang baik ke arah mencapai balik objektif ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, generasi belia perlu dipertimbangkan untuk diberikan bantuan kemudahan Skim Pinjaman Perumahan mampu milik antara ciri-ciri yang difikirkan penting dengan memberikan jumlah pinjaman yang bersesuaian dengan tempoh pembayaran balik yang dipanjangkan.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merakamkan ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua mempengerusikan mesyuarat ini dengan penuh prihatin dan cemerlang, kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan tidak lupa juga terima kasih

penghargaan kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Perkerma Jaya Dato Awang Haji Judin bin Haji Asar, Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Ismail, Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan kepada semua pihak yang terlibat, semoga **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan memberikan balasan atas keikhlasan dan pengorbanan yang dicurahkan bagi sama-sama menjayakan mesyuarat ini:

Kalau tidak kerana bulan,
Tak akan bintang terbit tinggi,
Kalau tiada kerana tuan,
Tidaklah kaola sampai di sini.

Jika sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang manis dan jika ada sebarang kesilapan serta kekurangan kaola memohon ampun dan maaf juga, yang baik semuanya datang dari **سُبْحَانَهُ** **اللَّهُ وَتَعَالَى** dan yang buruk datangnya dari kaola sendiri. Abiskaola juga menyokong supaya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan. Sekian. **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman

@ **Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

dan salam **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu kaola dengan hati yang tulus ikhlas merakamkan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini kerana dapat menjalankan dengan lancar, teratur dan mencapai seperti yang dihasratkan. Begitu ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

dengan pemberian peruntukan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Perbelanjaan Tahun Kewangan 2021/2022 mengikut keperluan kita berharap maka perancangan akan digunakan secara berhema iaitu *value for money* serta tercapai Wawasan Brunei 2035 secara yang terarah dan terancang.

Kita bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan berkat daulat raja yang kita kasihi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta rahmat-Nya Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir yakni Melayu Islam Beraja. Kita telah dapat mengharungi

cabaran, musibah dan pelaksanaan urus tadbir negara kitani digegarkan dengan serangan pandemik *COVID-19* dengan berkesan dan berjaya membendung rangkaian virus berkenaan dari merebak atau berleluasa.

Apa pun yang berlaku, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** negara kitani masih dapat berhimpun di dalam Dewan yang mulia ini mengadakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara untuk menunaikan tanggungjawab kepada negara, rakyat dan masyarakat. Marilah kita pupukkan semangat proaktif dan menanamkan nilai-nilai murni bagi memastikan isu dan agenda yang diketengahkan di Dewan yang mulia ini dilaksanakan hingga mencapai kejayaan dan hasilnya dapat dinikmati oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan, negara malahan juga kepada rakyat dan masyarakat di luar sana.

Menyentuh kehidupan setelah hari persaraan dan pada usia tua ,di samping Pencen Umur Tua yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pekerja yang mencarum melalui TAP dan SCP, diharapkan akan dapat menikmati hasilnya dan dipergunakan dengan sebaik-baiknya serta kita juga berharap agar pihak yang menguruskan takbir tabung ini, akan berusaha sedaya-upaya supaya segala persen pemberian dividen kepada pesertanya akan terus dipertingkatkan (dinaikkan).

Dengan pelaksanaan beberapa inisiatif di bawah ekonomi *blueprint*, negara akan dapat menjana peluang pekerjaan

untuk anak-anak tempatan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mengharapkan supaya peluang pekerjaan yang disediakan akan dapat direbut sepenuhnya oleh anak tempatan. Dalam kesempatan ini, peramba kaola, saya mewakili semua lapisan masyarakat dan penduduk Daerah Brunei dan Muara khususnya di Zon 2, Mukim Serasa dan Mukim Mentiri berharap semua isu dan perkara yang berkaitan dengan Zon 2 dapat diambil susulan tindakan seperti yang dihasratkan. Mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola bagi pihak semua lapisan masyarakat dan penduduk di Zon 2, Mukim Serasa dan Mukim Mentiri berikrar akan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebelum berundur diri, kaola ingin menyampaikan dua rangkap pantun:

Mukim Serasa, Mukim Mentiri
Tempat membeli kain beragi,
Berakhirilah sudah Mesyuarat Negeri,
Harap dapat bersidang lagi.

Dari Serasa ke Mukim Mentiri,
Jauh-jauh dari pekan,
Kita bersidang di Dewan Negeri,
Salah dan silap harap maafkan.

Kaola dengan ini bersetuju mesyuarat ini ditangguhkan. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu dengan rendah hati, mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan memimpin dan mempengerusikan Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini. Syukur لِلَّهِ sepanjang sesi permesyuaratan dan perbahasan kita di Dewan yang mulia ini, ia berjalan dengan lancar dan penuh bermakna serta dalam suasana muhibah, keterbukaan, saling menghormati dan semangat permuzakarahannya yang harmoni.

Beberapa isu, pandangan, cadangan dan saranan telah disentuh dalam kita sama-sama menandai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka yang إِنَّ شَاءَ اللَّهُ diharap dapat memberikan impak dan kesan yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pembentangan cadangan belanjawan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 bertemakan

ke arah: pembangunan sosioekonomi yang *resilient* dengan penekanan kepada tiga perkara utama. Tema belanjawan negara pada tahun ini memberikan mesej yang cukup kuat akan aspirasi dan hasrat jitu pihak kerajaan untuk terus mengorak langkah dan memacu ke hadapan dalam sama-sama kita mencapai Wawasan Brunei 2035. Adalah tidak dinafikan, ekonomi negara sepertimana ekonomi dunia akan terus berhadapan dengan cabaran pada tahun ini daripada risiko dan kesan serta impak kesihatan awam dengan penularan penyakit *COVID-19* kepada risiko *geopolitic* dan risiko ketidakpastian harga minyak. Dari itu, kita perlu bersedia dan bijak untuk mencatur perancangan dan strategi dalam mengurangkan kesan daripada cabaran-cabaran berkenaan. Terutamanya dengan berfikiran lebih kreatif dan inovatif dan berbekalkan semangat kemuafakatan dan perpaduan dalam mengambil peranan dengan penuh komitmen bagi sama-sama memastikan kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara terus dijaga dan dipelihara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu perkara positif iaitu aspek institusi keluarga juga perlu dan terus diperkukuhkan dan dimantapkan khususnya dalam peranannya untuk melahirkan insan yang cemerlang. Tanpa institusi keluarga yang kukuh, kemakmuran dan kesejahteraan negara tidak akan terjamin. Begitu juga dengan pemantapan, penguatkuasaan, perundangan dan peraturan. Ia perlu terus dipergiatkan dengan tegas dan

telus agar jenayah serta pelanggaran terhadap undang-undang tidak dibiarkan berlaku dan kepentingan rakyat dan negara dapat terus dijaga. Untuk mengakhiri, kaola ingin menyampaikan ucapan terima kasih berbanyak-banyak kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, penolongnya serta anak buahnya dan pihak Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat di atas bantuan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada kami, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagai penutup, kaola ingin memohon maaf jika sekiranya ada terdapat tersilap kata, terkasar bahasa dan tingkah laku yang kurang manis sewaktu menyampaikan hujah, pandangan, saranan dan persoalan sepanjang Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini serta diringi dengan semoga kita semua sentiasa sihat walafiat, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dan dapat dipertemukan pada masa-masa akan datang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih, Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin

Mohd. Siput: *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan hormat kaola ucapkan terima kasih atas keizinan untuk terus

serta berucap dalam sesi Ucapan Penangguhan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah bersidang dalam semangat saling menghormati dan saling bersefahaman. Kita telah menyelesaikan kerja-kerja majlis menurut jadual serta agendanya dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara ini. Tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin sidang dengan penuh bijaksana. Penghargaan juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis bersama-sama dengan seluruh pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan pengurusan yang sangat berharga, tulus dan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai satu platform dalam menyampaikan suara rakyat mengenai apa jua isu-isu yang relevan untuk disampaikan demi kesejahteraan dan kemudahan rakyat. Selain untuk meluluskan perbelanjaan kerajaan, majlis ini juga berfungsi untuk mendengar, meneliti dan bertindak apa jua masalah yang terbit dari perbincangan dalam perbahasan mengenai peruntukan kewangan.

Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddn Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021 yang berbunyi: "Pemegang dasar dikehendaki telus dan berani di dalam persidangan ini, perbincangan janganlah *di/limit* untuk menyekat pandangan atau pendapat-pendapat daripada para ahli, kerana sesungguhnya peluang di sini tidak banyak, cuma sekali dalam setahun. Oleh itu, wajarlah bagi para ahli bersidang dengan rancak tetapi sihat."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola sukacita mengusulkan agar Jabatan Kemajuan Perumahan mengkaji dengan lebih meluas mengenai usaha mewujudkan kawasan Perumahan Negara di luar bandar bagi membendung penghijrahan penduduk kampung. Penghijrahan disebabkan permohonan rumah ini terbukti membawa kesan yang mendalam. Kita boleh bayangkan sahaja, jika sebuah keluarga itu keramaiannya 5 orang ahli, jadi jika 10 orang ketua keluarga yang telah berjaya mendapatkan rumah, ini bererti seramai 50 orang berhijrah dari kampung tersebut.

Bukan mukim dan kampung sahaja terjejas malah beberapa jabatan kerajaan yang terdapat dalam mukim tersebut juga terkesan olehnya. Contohnya, beberapa sekolah rendah di mukim luar bandar di Daerah Belait dan Daerah Tutong yang mempunyai 2 buah sekolah terpaksa dicantumkan

menjadi sebuah sekolah sahaja disebabkan penuntutnya tidak ramai. Selain itu juga, berpandukan profail penduduk kampung dan mukim di kawasan bandar, ternyata keramaian penduduk jati semakin menurun berbanding dengan penduduk tetap atau warga asing yang masih bertahan malah bertambah dari setahun ke setahun. Kesemua fakta di atas hampir dihadapi oleh semua kampung-kampung atau mukim-mukim di luar bandar. Sehubungan dengan itu, kaola bercadang agar Jabatan Kemajuan Perumahan mengkaji dari pelbagai sudut dengan lebih ke hadapan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyambut baik usaha-usaha Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam memeduli suara rakyat di luar bandar dalam isu infokomunikasi. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** dengan adanya pemasangan menara-menara di Mukim Sukang, Kampung Melilas dan Kampung Apak-Apak itu nanti sebagai bukti yang nyata. Semoga ia dapat dinikmati sepenuhnya oleh masyarakat di sana.

Bagi Jabatan Pengangkutan Darat pula, kaola menyarankan agar pihak jabatan berkenaan mengkaji mengenai pembayaran *backdated* bagi kenderaan yang rosak dan tidak berjalan bertahun-tahun atas sebab pemiliknya tidak mampu membeli *spare parts*. Apabila sudah diperbaiki sepenuhnya dalam jangka masa yang lama, terpaksa membayar *backdated* yang mencapai ratusan ringgit. Ini sangat

membebankan, justeru itu, jika boleh diberi pengecualian kerana kenderaan tersebut tidak beroperasi atau berjalan di jalan raya. Walaupun hakikatnya ada perkhidmatan penggunaan *non-use* tetapi tidak semua orang ramai tahu ada perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan *non-use* ini dipohonkan dahulu dengan bayaran \$5.00 setahun bagi mengelakkan pembayaran *road tax* kenderaan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam ruangan yang terhad ini, sekali lagi kaola menyampaikan ucapan syabas kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana telah merealisasikan rancangan dan memperkasakan bilangan industri hiliran pertanian. Ini terbukti kejayaannya dari hasil lawatan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum mesyuarat ini dijalankan. Semoga kesemua usaha ini akan terus maju selaras dengan misi dan visi Jabatan Pertanian dalam menampilkan berbagai-bagai sumber pertanian. Apa yang penting, hasrat kerajaan untuk menjadikan hasil pertanian sebagai hasil negara kedua terpenting selain minyak dan gas akan tercapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola bagi mewakili penduduk di kawasan luar bandar Mukim Labi dan Mukim Bukit Sawat lebih dahulu merakamkan penghargaan terima kasih yang setinggi-tingginya dan syabas kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik atas pelaksanaan projek pemasangan *street lighting*

di kawasan luar bandar iaitu sepanjang jalan Sungai Liang, Labi dan Bukit Sawat yang dijadualkan siap pada bulan Februari. Alhamdulillah, dengan adanya pemasangan *street lighting* di kawasan tersebut, maka pengguna jalan dan penduduk kampung tersebut juga merasa lebih selesa dan selamat apabila berjalan pada waktu malam.

Kaola sendiri sudah menikmati kemudahan tersebut. Kelmarin, apabila kaola balik ke kampung, 'inda jua' kecut hati pada waktu malam malah merasa lebih selesa dan tenang. Namun, masih ada *street lighting* yang dipasang bertompok-tompok di kawasan Jalan Sungai Liang, Labi, sebahagian kawasan Andulau, kawasan Merangking, Sungai Mau, Bukit Puan dan Taman Lupak disebabkan tidak terdapat *piping point*, voltan rendah bawah tanah di kawasan tersebut. Dalam hal ini, kaola mencadangkan agar apa kiranya di kawasan yang dinyatakan tadi dipasang lampu dengan lampu solar.

Akhirnya, kaola memohon ampun dan maaf jua kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta pegawai dan kakitangan yang bertugas sepanjang mesyuarat ini dijalankan. Yang baik itu datangnya daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan yang kurang elok itu datangnya daripada kelemahan kaola jua. Akhirnya, kaola tinggalkan Dewan yang mulia ini dengan dua rangkap pantun yang berbunyi:

Saya datang dari Kampung Labi,
 Hadir ke Dewan untuk berbicara,
 Kasih dijunjung sekalung budi,
 Takkan lupa segala peristiwa.

Hari ini menanam kunyit,
 Hari esok menanam serai,
 Beberapa hari sudah kita berdebat,
 Hari ini kita bersurai.

Dengan ini, kaola menyokong
 sepenuhnya mesyuarat ini ditangguhkan.
 Sekian disampaikan dan salam hormat.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
 Terima kasih. Saya persilakan sekarang,
 Yang Berhormat Awang Haji Mohimin
 bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji
 Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**
 Terima kasih, Yang Berhormat Yang
 Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Dengan bertawakal kepada الله, dengan
 kalimat بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Walfawidhu
 Amri'llallah inna'Allahal basirumibad,
 لا حَوْلَ وَ لا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan
 Ahli-Ahli Yang Berhormat, serta sekalian
 yang hadir yang dihormati. Kaola
 mengajak kita semua berdoa semoga
 Negara Brunei Darussalam selamanya
 negara Melayu Islam Beraja yang
 makmur sebagai negara بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua
 di Dewan yang mulia ini kaola suka

mengusulkan syarikat-syarikat yang
 berdaftar 'sendirian berhad' yang
 terdapat *shareholder* orang asing yang
 dipastikan membawa modal kewangan
 masuk ke Brunei supaya dikenakan
 cukai korporat. Syarikat-syarikat yang
 berdaftar di bawah 'sendirian berhad'
 yang 100% milik warga Brunei
 Darussalam dikecualikan daripada Akta
 Cukai Korporat, kerana ini boeh
 membantu, menyekat orang asing
 menggunakan 'sendirian berhad' sebagai
 lesen berniaga 'Ali Baba' dan mendapat
 kemudahan membawa keluarga
 walaupun hanya perniagaan kecil seperti
 kedai jahit, gunting dan sebagainya,
 mereka menjalankan perniagaan baik
 di bandar mahupun di kampung-
 kampung, mereka potong rumput, *driver
 bus*, worksyop, restaurant, *supply*
 barang-barang ke *supermarket*, kedai
 runcit dan lain-lain.

Seterusnya kaola suka mengimbau belia
 di luar sana supaya menubuhkan
 Koperasi Belia Kebangsaan sebagai
 Koperasi Wawasan 2035 yang mungkin
 boleh dinamakan Koperasi Belia
 Darussalam dalam jangka panjang
whole of nation approach rakyat Brunei
 Darussalam diperkirakan menjadi ahli
 koperasi sebelum tahun 2070 إِنَّ شَاءَ اللَّهُ
 50 tahun mendatang.

Soal memulakan perniagaan mulai dari
 damit bukan menjadi penghalang
 membuat perniagaan besar, 'inda tebala'
 seorang diri usahakan beramai-ramai,
 anitah fungsi koperasi ditubuhkan.
 Orang lain masuk ke negara kita dalam
 masa 5 ke 10 tahun sudah jadi jutawan,
 kita dalam negara sendiri generasi

ke generasi yang patut jadi jutawan, jadikan orang kita *oriented* berfikiran besar *'think big'*. Oleh kerana kita tidak mampu mendirikan perniagaan besar, maka penubuhan koperasi adalah jalan terbaik.

Kita lihat anai-anai makhluk yang 'damit' mampu membuat 'pungsu' atau busut yang jika disukat dan dibanding saiz anai-anai dengan 'pungsu' yang dibuatnya mungkin beribu kali ganda. Anai-anai ibarat orang kita, sementara 'pungsu' atau 'busut' ibarat sebuah koperasi yang bersifat konsortium. Beri keyakinan kepada belia kita sebagaimana peristiwa hijrah Sayidina Ali Karamalahwajhah diberikan kepercayaan oleh Rasulullah SAW menggantikan tempat tidur baginda sedangkan di luar rumah menunggu 40 orang bersiap untuk melaksanakan niat jahat mereka. Peristiwa Perang Badar, Sayidina Ali Karamalahwajhah meminta baginda Rasulullah SAW membenarkan menentang cabaran seorang panglima perang yang digeruni, baginda sendiri agak ragu pada awalnya tetapi akhirnya memberikan pedang baginda sendiri sehingga Sayidina Ali Karamalahwajhah mampu mengalahkan lawan yang berpengalaman.

Daripada contoh riwayat-riwayat di atas, kita patut memberikan keyakinan tinggi kepada generasi muda kita apakah kita kurang yakin dengan Sistem Pendidikan Negara, SPN 21 yang memberikan pendidikan akademik, profesional, vokasional yang berprestij dengan percuma apakah pelaburan kerajaan ini tidak kita manfaatkan dengan

mengharapkan orang lain untuk membangun negara? Kita positif kerana Allah suka kita bersangka baik, terutama bersangka baik terhadap *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan seterusnya kepada belia muda kita ke arah *Brunei Smart Nation*.

Di Dewan yang mulia ini kita bukan berlawan tetapi berkawan sepertimana ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang kaola hormati. Kita bukan berhadapan tetapi sama-sama menghadap Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi mencari titik solusi yang terbaik bagi agama, bangsa dan negara. Belia masa kini adalah bentuk negara depan. Kaola suka membawakan beberapa pantun bagi mengakhiri ucapan penungguhan ini pada masa:

Kalau ada sumur di ladang,
Dapat kita menumpang mandi,
إِنْ شَاءَ اللَّهُ masa dan umur yang panjang,
Dapatlah kita di Dewan yang mulia ini
bersua lagi.

Apa tanda orang mulia,
Berbaik sangka kepada manusia,
Siapa hidup berbaik sangka,
Dunia akhirat hidup sentosa.

Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa,
Tegak bangsa kerana budi,
Runtuh budi hilanglah bangsa.

Kaola suka menyebut peringatan orang-orang tua kita dengan bunyinya: 'Kata-kata itu adalah doa, dikatakan berat, beratlah ia, dikatakan ringan, ringanlah ia', begitulah juga urusan agama, bangsa dan negara. Akhir kalam kaola

mohon ampun dan maaf, kata-kata yang kurang elok, mengusik hati jangan dipendam, ampunkan kami. Sekian Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Yang Berhormat dengan Ucapan Penangguhan yang begitu bersemangat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengucapkan terima kasih berbilang-banyak atas keizinan Yang Berhormat bagi kaola menyampaikan Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, melalui peluang keemasan yang diberikan ini, kaola lebih dahulu merafakkan sembah taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan lantikan kepada kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara bermula Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan

Ketiga Belas pada tahun 2017 hingga Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021 ini.

Kaola merafakkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, hari ini hari terakhir kaola berada di Dewan yang mulia ini setelah berakhir tempoh selama lima tahun selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara kaola tanai sepenuh hati menjunjung limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas lantikan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan izin Allah jua, sepanjang persidangan ini berjalan dengan lancar dan sempurna di bawah kepimpinan, kebijaksanaan dan kecekapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin Dewan yang mulia ini. Juga atas kerjasama Yang Dimuliakan Jurutulis dan juga Yang Mulia Timbalan Jurutulis Dewan persidangan dan juga jasa bakti semua warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang bertugas walaupun persidangan ini dilangsungkan dalam suasana sedikit dikusuti oleh *COVID-19*. Namun, begitu kita semua dalam perlindungan *وَتَعَالَى* jua, *يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ* Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola amat bersyukur kerana mesyuarat pada kali ini terdapat banyak kemajuan perancangan dan projek yang akan dilaksanakan di Daerah Belait khususnya dan seluruh negara amnya.

Ini akan membawa perkembangan dan kemajuan yang menjadi hasrat masyarakat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk melihat kemajuan yang diprogramkan itu atau rancangan mengikut keutamaan bagi Rancangan Kemajuan Negara yang diluluskan sebagaimana Anggaran Perbelanjaan 2020/2021 - 2021/2022 khususnya bagi Zon Mukim Seria dan Mukim Liang dan juga Zon 2, Mukim Kuala Belait dan Mukim Pedalaman Daerah Belait.

Kaola mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi kaola mengongsikan antara Rancangan Kemajuan Negara yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Antaranya khusus bagi Daerah Belait ialah masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut, menaik taraf sistem pembetulan di kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria, Skim Pembetulan Kampung Lumut, menaik taraf Logi Rawatan Agis-Agis Kampung Lumut, mengganti penongkat paip air mentah utama dari stesen pam air Badas ke Logi Rawatan Air Seria, membina stesen pengepam air mentah baharu Badas dan memasang paip air mentah dari Badas ke kawasan *SPARK* Kampung Lumut.

Pembinaan Bangunan Perkhidmatan Kecemasan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, pembinaan Pusat Kesihatan Kampung Pandan, Kuala Belait, bekalan elektrik di Mukim Sukang dan lain-lain lagi. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dan masyarakat serta penduduk dalam Zon 1 Daerah Belait merakamkan ucapan syukur kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan ucapan terima kasih banyak-banyak dan

penghargaan kepada kementerian-kementerian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan, 'mengelinga' dan memandang jauh ke hadapan menandai cita-cita Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum kaola mengundurkan diri kaola jua mengambil kesempatan memohon kemaafan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang kaola hormati dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan seluruh warga Dewan yang mulia ini. Kaola juga ingin mengongsikan dua buah pantun iaitu:

Cincin permata delima ratu,
Anak sembilang di tapak tangan,
Walaupun jauh antara satu,
Hilang di mata dihati jangan.

Rumpun bunga buah nipah,
Si buah nipah berbuah nipah,
Bunga mawar di atas ratu,
Walaupun kita akan berpisah,
Semoga berjumpa pada lain waktu.

Sekian sahaja. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

salam sejahtera dan salam "Permata Hijau". Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan izin serta limpah rahmat-Nya jua kita dapat menjalankan permesyuaratan ini dengan penuh tertib, hormat-menghormati dalam suasana norma baharu dengan aman dan damai kerana negara kita masih saja belum bebas sepenuhnya daripada wabak *COVID-19*.

Seterusnya kaola dengan hati yang tulus ikhlas dalam menyokong ucapan dan tahniah yang setinggi-tingginya yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Ucapan Penangguhan sebelah pagi tadi atas kepimpinan, kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Berhormat selaku Yang Di-Pertua Dewan yang telah memimpin sepanjang Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dengan mengucapkan syukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas limpahan kurnia dan nikmat dan dengan berkat daulat serta kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. **اللَّحْمْدُ لِلَّهِ** Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien telah mula digunakan pada 17 Mac 2020 yang lalu.

Sehubungan dengan itu, kaola bagi mewakili seluruh genap lapisan rakyat dan penduduk di Daerah Temburong khususnya sukacita merafakkan sembah kesyukuran dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia pembinaan jambatan tersebut.

Dengan tersedianya kemudahan tersebut telah banyak memberi kemudahan kepada sekalian rakyat dan penduduk dalam mempertingkatkan lagi kualiti kehidupan secara umumnya. Peluang-peluang dan kegiatan-kegiatan perekonomian dan juga menjadi titik kritikal dalam mengharungi ujian pandemik *COVID-19* bagi sama-sama secara pendekatan satu negara dan seluruh pihak yang berkepentingan serta barisan hadapan dalam menangi pandemik berkenaan.

Sesungguhnya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien merupakan kurnia baginda dan kerajaan baginda yang amat bernilai tinggi dan terlalu signifikan kepada sejarah Negara Brunei

Darussalam. Oleh yang demikian, kaola menyeru kepada seluruh pengguna jambatan tersebut akan senantiasa dapat memelihara kemudahan yang amat tinggi nilainya itu agar sama-sama memelihara kesinambungan perhubungan jalan demi memastikan segala urusan yang bergantung padanya lancar dan jauh daripada segala musibah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga mengucapkan syukur dan menjunjung kasih Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenaan mengurniakan Penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) yang berperanan memantau perkembangan dan kemajuan Daerah Temburong.

Dalam kesempatan ini, kaola melahirkan penghargaan dan menyampaikan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya atas keprihatinan kerajaan baginda melalui pendekatan *whole of nations approach*. Temburong telah berubah wajah dengan pembinaan beberapa infrastruktur baharu dan pengubahsuaian beberapa buah bangunan complex perniagaan Bumiputera, pembisaian landskap dan pembinaan industri dan *waterfront* yang menjadi mercu tanda baharu bagi Daerah Temburong.

Penaiktarafan jalan-jalan utama dan penambahan kawasan letak kereta dan lain-lain lagi. Pada masa yang sama kaola mengharapkan supaya segala

perancangan dan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang akan dapat dilaksanakan umpamanya menaik taraf beberapa buah bangunan di Pekan Bangar, membangun kawasan Mukim Labu (Kampung Labu). Projek-projek perekonomian (menaik taraf 'tamu' perayaan, 'tamu' aneka selera, pakej-pakej pelancongan, produk-produk berasaskan aktiviti, inisiatif Hijau Temburong, tapak-tapak pertanian, ternakan, perikanan akan dapat dibangun dan dimajukan.

Sukacita juga kaola mencadangkan kepada pihak yang berkenaan untuk mendirikan tempat pameran biodiversiti hutan di Daerah Temburong bagi tujuan mendidik dan menanam minat masyarakat dan generasi muda dan bagi kepentingan pemeliharannya.

Menyentuh kenaikan harga barang. **اللَّهُمَّ**, harga minyak di Daerah Temburong telah dapat disamakan nilainya dengan daerah-daerah lain. Walau bagaimanapun, diserukan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya akan sentiasa memantau harga barangan secara berterusan termasuklah harga barangan hasil produk tempatan. Walaupun kita menyedari permintaannya agak tinggi disebabkan persempadanan negara jiran masih lagi ditutup.

Dalam usaha meningkatkan penghasilan produk-produk tempatan yang sedia ada di daerah berkenaan, kaola berseru dan mengharapkan pihak pengusaha atau peniaga termasuklah Majlis Perundingan Mukim Dan Kampung, "Satu Kampung, Satu Produk" supaya akan dapat meningkatkan pengeluaran hasil produk-

produk mereka masing-masing dan berusaha memperbaiki perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan dan orang ramai.

Kaola percaya agensi-agensi kerajaan yang berkenaan bersedia membantu apa juga keperluan dan bantuan yang diperlukan. Apa yang menjadi kekhawatiran kita ialah apabila sempadan dibukakan nanti Daerah Temburong diharapkan tidak akan menjadi destinasi persinggahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan kaola di Dewan yang mulia ini, sekali lagi bagi mewakili rakyat dan penduduk di Daerah Temburong merafakkan sembah, menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pemedulian dan keperihatinan baginda yang sangat mendalam terhadap pembangunan, kemajuan serta kebajikan rakyat keseluruhannya.

Kaola juga memohon doa ke hadrat Allah swt semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda serta kerabat-kerabat Diraja, pembesar-pembesar Diraja dan pembesar-pembesar negara dan semua lapisan rakyat dan penduduk akan sentiasa mendapat hidayat perlindungan اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dari segala anasir, wabak penyakit dan segala musibah nikmat sebaliknya mengekalkan nikmat

keamanan, kemakmuran menjadikan sebuah negara yang aman, makmur dengan petunjuk اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, 5 tahun kita sudah bersidang, tentu ada pahit manis yang banyak kita rasakan.

Bunga dadap di atas bara,
Anak Dusun pasang pelita,
Andai tersilap tutur bicara,
Jari disusun maaf diminta.

Khususnya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, rakan-rakan seperjuangan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan siapa sahaja yang terlibat sepanjang majlis mesyuarat ini berlangsung.

Tanam sirih dalam taman,
Gali lubang tepi perigi,
Terima kasih hadirin sekalian,
Lain kali berjumpa lagi.

Kaola turut bersama-sama dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara ini menyokong ditangguhkan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan pula Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong

Oh: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kewibawaan dan kebijaksanaan dalam memimpin Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini dengan tenang, efisien dan teratur.

Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet atas ketabahan dan kesabaran dalam mendengarkan serta memberikan penjelasan-penjelasan kepada soalan serta cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Yang Dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam masa kita sama-sama menuju Wawasan Brunei 2035 ini, jelas menunjukkan bahawa semua masyarakat harus berganding bahu dalam merealisasikan perkembangan serta kemajuan negara.

Di samping itu juga, dalam masa Negara Brunei Darussalam mengorak langkah untuk menjadi sebuah negara yang *sustainable* serta menjulang hasrat negara ke arah Revolusi Industri 4.0 pentadbiran juga memainkan peranan yang penting. Pentadbiran yang efisien,

bijaksana, cepat dan telus akan membuahkan hasil yang mampan. Banyak yang telah kita saksikan kebanyakan pentabiran di negara ini semakin maju dan banyak inisiatif yang telah diambil seperti menggunakan teknologi-teknologi yang moden mengikut peredaran masa.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penanggunghan ini kaola sukacita mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis dan seluruh kakitangan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah terlibat dalam menjayakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dengan teratur dan lancar.

Akhir kata, saya berharap melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan muzakarah yang berterusan, pihak kerajaan akan terus mendengar seruan dari yang dekat dan rhetoric sementara keluhan dari yang kecil dan lemah juga didengar dan dirasakan. *I sincerely hope that through continuous dialogue the authority will hear the call from the near and rhetoric, also hear and feel the side from far and weak.* Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali Bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik serta yang hadir di Dewan yang mulia ini. Kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan kaola memberikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menyokong penuh dan menyambut baik Peruntukan Belanjawan Tahun 2021/2022 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Kaola bersyukur dan berdoa agar semua rancangan ke arah melaksanakan agenda kemajuan negara akan mencapai hasrat yang diharap-harapkan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola percaya dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seluruh rakyat dan penduduk negara ini akan terus komited mendukung hasrat kerajaan ke arah kecemerlangan menuju Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Dipertua untuk mencapai kejayaan kerjasama dan bertanggungjawab adalah kunci ke arah merealisasikan semua bentuk pembangunan yang dirancang. Oleh yang demikian, setiap rangka kerja yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan mahupun swasta sama ada yang sedang

berjalan atau yang akan datang hendaklah mengikut garis panduan berlandaskan undang-undang dan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) agar semua kejayaan yang dicipta sentiasa beroleh keberkatan daripada Allah jua dan kekal mengikut 'calak' Brunei yang kitani hargai.

Selain itu, sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam yang menjadi gedung ilmu hendaklah terus di perkasa dan diseimbangkan berdasarkan keperluan duniawi dan ukhawi. Dengan ini negara kita akan sentiasa melahirkan generasi yang mentaati raja, beriman, berilmu dan berkebolehan sebagai sumber tenaga manusia yang mengirakan kemajuan sama ada di sektor awam atau swasta, sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi, amanah, jujur dan ikhlas demi kejayaan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum kaola mengundur diri, kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua memberi peluang kaola bercakap dan memberi pandangan untuk berbahas peruntukan perbelanjaan tahun 2021/2022 semoga semua perbahasan dapat diambil perhatian sebaik mungkin dan mampu menyumbang kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekalung budi dan tahniah kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan juga Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan warga kerja Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kejayaan menjayakan

Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021.

Akhir kalam, ucapan kaola ini dengan memohon maaf jika ada tersorok langkah tutur kata yang tidak sopan santun terutama sekali kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dan untuk akhirnya ada sekarat pantun, walaupun pantun ini sudah dikeluarkan tadi ada satu perkataan yang tertinggal tidak tersebut.

Kalau ada semur di ladang,
boleh sama menumpang mandi,
Kalau ada umur kita yang panjang,
الله إِنَّ شَاءَ اللهُ boleh kita berjumpa lagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ وَاجْعَلْ لِي مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَانًا نَصِيرًا

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mulakan tadi ucapan kaola dengan satu رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ doa – ya Allah, ya Tuhan masukkan aku ke dalam kemasukan yang benar. وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ – dan keluarkanlah aku selepas ini dengan keluarnya yang benar jua. wajaalni minladunka sultannan nasira – dan jadikanlah bagiku satu kekuatan untuk menenangkan perjuanganku . إِنَّ شَاءَ اللهُ .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mengucapkan terima kasih segunung intan kerana Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kemurahan hati Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa memberikan peluang untuk kaola bercakap dan berkongsi buah fikir di Dewan yang mulia ini. Tidak lupa juga terima kasih kepada Yang Dimuliakan Pehin Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan serta semua warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah memudahkan perjalanan permesyuaratan kitani.

Dalam kesempatan yang penuh keemasan ini, izinkan kaola menjulungkan perkara-perkara berikut. Peranan pejawat awam sebagai jentera kerajaan amat penting bagi memastikan kerajaan berfungsi dengan sempurna.

Untuk itu, seluruh penjawat awam dari semua peringkat hendaklah sentiasa komited dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan berpaksikan falsafah negara Melayu Islam Beraja demi menjayakan Wawasan Brunei 2035 yang bermatlamatkan bagi mewujudkan baldatun taibatun

warrabbun ghafur negara makmur indah dan Allah mengampuni.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin menyarankan agar semua penjawat awam di semua peringkat bertugas dengan penuh jujur, amanah dan ikhlas semata-mata kerana Allah jua demi kebaikan dan kemajuan negara bangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Di Dewan yang mulia ini, kaola ingin mengajak semua peringkat penjawat awam supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab. Kepada penjawat-penjawat awam yang bertugas di jabatan-jabatan yang mempunyai akta dan peraturan serta undang-undang tertentu, hendaklah bertugas dengan cekap, cepat dan tegas dalam menguatkuasakan undang-undang berpandukan ammar makruf nahi mungkar.

Tanpa perasaan takut-takut atau ragu-ragu. Rasulullah SAW telah bersabda: "Dari Abu Sayyib Alkhudri Radiallahuanhu berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang melihat kemungkaran maka rubahlah ia dengan tangannya (kuasanya), jika ia tidak mampu maka rubahlah ia dengan lisannya (lidahnya), jika tidak mampu jua maka rubahlah dengan hatinya dan yang perkara itu adalah selemah-lemah iman" iaitu dengan hati sahaja. Marilah kita semua menghayati maksud dan pengajaran daripada hadith Rasulullah SAW ini, semoga dengannya kita akan beroleh rahmat dan berkatnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagai penutup ucapan kaola ini terimalah jua beberapa rangkap syair dan pantun seperti mana Yang Berhormat Yang Di-Pertua harapkan.

Kita bersidang bersungguh-sungguh
Dengan jiwa dan semangat yang kukuh
Dengan perpaduan hati yang teguh
Berjaya menghasilkan bajet yang kukuh.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua amat berwibawa penuh bijaksana berhati mulia,
memandu persidangan penuh ceria.

Pantun yang satu ini, kaola tujukan khas kepada teman-teman sahabat Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet istimewa Yang Berhormat adika Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sering berpantun.

Pantun ini adalah pantun lama tapi kaola hidupkan semula dan sebenarnya ditujukan kepada orang yang berjanji mulut, kaola menganggap apa-apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri, walaupun ia setakat ini telah diluluskan yang bererti secara Undang-Undang telah pun diterima tetapi pihak kami di sini masih menganggap sebagai hutang. Hutang ini ada 2 iaitu: 1. hutang bertulis; 2. hutang janji mulut, tapi janganlah salah hati. Begini bunyinya:

Limau purut 3 serangkai,
Oleh membal di kedai Cina,
Janji mulut jangan dipakai,
Banyak sudah orang terkena.

Diharap apa-apa yang telah pun diikrarkan dan diturunkan sebagai Rang Undang-Undang akan dapat ditunaikan dan dilaksanakan dengan sepenuhnya. Akhirnya kaola dengan segala rendah hati dan hormat serta takzim menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mengurniakan kepimpinan bijaksana dan dinamik dengan izin serta keagungan Allah jua telah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang maju dan membangun dengan mendapat berkah dan reda illahi.

Kaola turut menyokong supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan, dan mohon maaf sekali lagi kerana kaola sering kali keluar Dewan atas sebab faktor umur.

Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اللَّهُ أَكْبَرُ kaola sukacita merakamkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang

Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dalam memimpin dan menjalankan Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara dengan sempurna dalam suasana tenang dan harmoni walaupun negara dan dunia masih dalam bergemelum dengan penularan Pendamik *COVID-19*.

Kaola sukacita mengingatkan kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara tempoh hari antaranya baginda bertitah " Pemegang dasar dikehendaki telus dan berani, perbincangan janganlah *dilimit* untuk menyekat pandangan dan pendapat-pendapat. Sesungguhnya banyak isu penting yang boleh dimuzakarahkan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh anak-anak buah kampung dan peniaga-peniaga tempatan.

Kementerian Pembangunan mengambil baik semua soalan-soalan teguran dan cadangan yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Pembangunan akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian mengenai cadangan-cadangan yang ditimbulkan di sepanjang persidangan ini.

Pembinaan infrastruktur di negara ini, membuktikan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus komited ke arah pembangunan infrastruktur sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan telah banyak melaksanakan projek-projek yang memberi impak yang besar dalam menaik taraf kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini seperti pembekalan air yang bersih, sistem saliran dan pembedungan, Skim Rancangan Perumahan Negara dan sebagainya.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengucapkan terima kasih atas penglibatan dan sumbangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam menjalankan inisiatif kementerian terutama sekali dalam *Manpower Industry Steering Committee*, penjagaan alam sekitar, *local business development*, *Brunei National Climate Change Policy* dan banyak lagi. Sebenarnya ini adalah *Whole Of Nation Approach*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penagguhan ini, sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana meluluskan Rang Undang-Undang Kementerian Pembangunan dan diharap akan dapat digunakan sepenuhnya dan dilaksanakan pada masa yang ditetapkan. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari:

Terima Kasih Yang Berhormat Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

and salam sejahtera.

Kaola lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Di-Pertua atas kebijaksanaan memimpin permesyuaratan ini dan kaola juga tidak lupa mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan bukan sahaja dalam menjawab soalan-soalan yang disuarakan tetapi juga telah banyak membimbing sepanjang lima tahun melalui pelbagai muzakarah, lawatan rasmi dan lawatan tidak rasmi.

Sejak lantikan kaola 4 tahun yang lepas, sudah dapat dilihat banyak perubahan sangat positif dan ketara. Kaola sangat-sangat berbesar hati kerana telah diberi begitu banyak kepercayaan, sokongan, nasihat dan dorongan kerjasama dengan Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan dalam beberapa isu yang telah kaola suarakan di Dewan yang mulia ini.

Kita berbangga di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita dapat melihat perubahan baharu dan progresif ini termasuklah inisiatif-inisiatif di bawah *Ekonomik Blue Print, Digital Ekonomi Masterplan 2025* dan sebagainya. Ini

dapat membantu Negara Brunei Darussalam mengatasi impak *COVID-19* seperti dalam menjana lebih banyak pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran.

Antara isu yang paling sering kaola bangkitkan ialah yang berkaitan alam sekitar dan perubahan iklim. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, banyak peningkatan dari dasar dan protokol yang baru dilancarkan. Ini mencerminkan usaha dan komitmen dari pihak kerajaan dan juga sokongan daripada pelbagai agensi swasta dan badan bukan kerajaan. Ianya akan lebih mencabar untuk melestarikan usaha-usaha ke arah pemulihan alam sekitar yang diimbangkan dengan perkembangan ekonomi. Usaha menangani ini termasuklah isu haiwan liar, akan memerlukan banyak sumbangan terutama sekali orang ramai bagi membiayai dana penyelidikan pendidikan *biodiversity* dan juga bagi mengawal pembiakan haiwan liar.

Seterusnya bagi Pembangunan Belia, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dengan pelancaran Dasar Belia Negara dan Strategi 2020/2035, ianya diharapkan akan membolehkan pembangunan negara yang lebih inklusif melalui penubuhan mekanisme maklum balas rasmi antara agensi kerajaan dan komuniti belia. Kaola menyambut baik usaha yang terus menerus untuk memperkasa belia melalui pelbagai platform termasuk menyediakan *Youth Grant*, inkubasi dan latihan kemahiran. Kesedaran bagi peluang-peluang ini haruslah ditingkatkan bagi membolehkan lebih ramai belia untuk melibatkan diri

secara langsung dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dari segi isu kemasyarakatan dan kebajikan pula, kaola berasa amat terharu melihat Negara Brunei Darussalam kuat dan gigih dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan dengan kesihatan mental termasuklah dengan memperkenalkan Talian Harapan '145'.

Pemberigaan sudah sering kita lihat sama ada dijalankan oleh pihak kerajaan mahupun badan bukan kerajaan namun ia masih dapat ditingkatkan bagi mengurangkan stigma yang dikaitkan dengan kesihatan mental dan memberi platform dan ruang bagi orang ramai untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan.

Seperti yang sudah dinyatakan oleh rakan Ahli Yang Berhormat kelmarin, *performance* yang ada ini perlu dipertahankan dan dalam masa yang sama kita mengharapkan perlunya pendekatan baru. Segala usaha yang telah dijalankan perlu dipantau dan diperbaiki kelemahannya dan dikekalkan kebaikannya. Peruntukan bagi penyelenggaraan dan juga *research and development* harus disediakan.

Kita sedang berada pada era baru dengan komunikasi sekarang jauh lebih telus. Orang ramai dapat memberi pandangan dan buah fikiran secara langsung kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara sama ada melalui sesi

pemberigaan ke mukim-mukim, dialog mahupun *townhall*. Gunakanlah platform ini dengan cara yang sihat bagi tujuan membangunkan negara dan untuk melahirkan masyarakat yang lebih bermaklumat.

Seperti apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pagi tadi, kita semua memikul amanah dan bebanan yang berat, kitani cuba sedaya upaya untuk menyampaikan hasrat rakyat dan perbincangan tidak akan berakhir di sini.

Kaola mengambil baik saranan dan jemputan daripada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan untuk berbincang bagi mencari jalan penyelesaian bagi pelbagai isu yang masih menjadi kekhuatiran orang ramai termasuklah gangguan seksual, haiwan liar, industri kreatif, pengangkutan awam, memperkasakan golongan orang kelainan upaya, rasuah, literasi kewangan dan juga meningkatkan kesedaran tentang masalah sosial bagi pelajar dan belia.

Sebelum mengakhiri ucapan kaola, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat termasuklah para-para pelatih (*interns*) dan pasukan sekuriti. Kaola juga tidak lupa memohon maaf jika terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan yang sengaja atau tidak sengaja.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat dan saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي. وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي. وَأَحِلِّ لِي عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ, Peruntukan Belanjawan 2021/2022 baru sahaja diselesaikan iaitu diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara, diharap peruntukan ini dapat digunakan dengan sempurna dan sepenuhnya pada program dan aktiviti kemajuan yang dirancang dengan sempurna dan titih mengikut masa yang ditetapkan demi kesejahteraan penduduk dan kemakmuran negara.

Dalam kesempatan ini, kaola merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang

Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan mengendalikan Majlis Mesyuarat ini, maka majlis berjalan lancar walaupun menghadapi masa yang terhad dalam suasana masih mematuhi kawalan keselamatan *SOP* pandemik *COVID-19*.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang dapat menjawab dan menjelaskan dengan penuh sabar akan soalan dan saranan abiskaola, walaupun ada beberapa soalan yang belum terjawab maka kaola berharap mendapat maklum balas kemudian nanti.

Tidak lupa juga merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas sokongan dan kerjasama diberikan kepada abiskaola sepanjang permesyuaratan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola mewakili Zon II dari Daerah Tutong yang diamanahkan untuk memeduli apa juga permasalahan berkaitan kesejahteraan dan keselamatan rakyat di kawasan ini yang terdiri dari 5 Mukim Daerah Tutong, iaitu 2 kawasan fizikal bumi yang berbeza dan masyarakat yang berbeza budaya di Daerah Tutong iaitu kawasan pedalaman dan kawasan pesisir pantai.

Sudah setentunya mempunyai permasalahan yang berbeza, maka isu yang dianggap kecil oleh sesetengah pihak perlu juga disuarakan, apabila

sudah puluhan tahun tidak pernah selesai kerana ia dianggap keutamaan atau besar bagi masyarakat setempat. Tindakan kaola selain daripada berjumpa dan berhubung melalui telefon, kaola juga menghadapkan beberapa aduan kepada pihak-pihak berkenaan menerusi persuratan, yang salinannya ada diberikan juga ke Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Malah apabila sesuatu aduan tidak tertunai atau lambat, maka mana-mana yang bersesuaian maka dengan tenaga Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan penduduk berkenaan akan menyelesaikan masalah tersebut dengan mengadakan kempen-kempen seperti membersihkan longkang tersumbat, malah melakukan penampalan jalan-jalan kecil yang berlobang, membersihkan jalan tertimbus, menebang dahan pokok yang berjuntai dan pokok yang menghalang pandangan pemandu.

Walau bagaimanapun, kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih ke atas agensi-agensi kerajaan yang telah menyokong dan membantu menyempurnakan kerja-kerja yang disebutkan tadi, namun permohonan mendadak atas kecemasan secara sertamerta demi kesejahteraan dan keselamatan penduduk-penduduk berkenaan. Ada juga pegawai dan kakitangan dari agensi berkenaan datang untuk meninjau dan memantau.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dari kawasan

pelupusan sampah Sungai Paku sehingga hujung Jambatan Sungai Telamba sudah menjangkau 60 tahun sejak pembinaannya tetapi belum ada disediakan longkang yang sempurna menyebabkan tanah susur menutupi permukaan jalan dan kini keadaan jalan yang bertingkat-tingkat kerana sering dilalui oleh kenderaan berat mengangkat tanah cuci dan *trailer* mengangkut sampah dari pelupusan Sungai Akar.

Keadaan jalan yang tidak rata ini menyebabkan tanah berjatuh dari kenderaan berat ke permukaan jalan dan pernah juga berlaku kejadian kemalangan melibatkan kematian. Begitu juga jalan-jalan di kawasan pedalaman Daerah Tutong, sudah sekian lama menghadapi kesukaran melalui beberapa jalan yang sering ditenggelami air apabila musim hujan kerana paras jalan yang rendah dan kerana mempunyai sistem pengaliran yang tidak lancar seperti sungai yang dipenuhi oleh pokok-pokok dan dasar yang cetek oleh timbunan pasir dan tumbuhan rumput.

Kaola sendiri bersama penduduk kawasan berkenaan telah berusaha bersama-sama membersihkan kawasan tersebut tetapi oleh sebab keadaan berlaku sepanjang jalan, jadi memang tidak ada keupayaan melaksanakan secara sempurna tanpa menggunakan jentera yang khusus.

Jadi harapan penduduk kepada koala, supaya disampaikan dalam majlis ini walaupun diketahui agak berat rasanya ia sebagai satu tekanan dan serba salah; "ditelan mati emak, diluah mati bapak"

kerana isu-isu ini dianggap kecil oleh sesetengah orang, jika dibiarkan akan mengakibatkan kesan yang lebih besar misalnya mengakibatkan pencemaran alam sekitar, kerosakan harta benda dan kemalangan menyebabkan beban yang besar untuk menyelesaikan masalah ini. Oleh itu berkaitan dengan permasalahan di atas, diharap akan akan termasuk akan datang dalam rancangan penyelesaian yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam membantu perkembangan pembangunan ekonomi negara, maka sektor bukan minyak dan gas seperti sektor perikanan, pertanian dan agrimakanan dan industri pelancongan adalah menjadi penyumbang utama.

Menyentuh bagi meningkatkan sektor perikanan secara akuakultur air masin dan akuakultur air tawar perlu digalakkan dengan bantuan-bantuan yang tertentu supaya lebih banyak pengusaha khususnya anak tempatan yang belum bekerja terutama akuakultur ikan tawar kerana ia mudah dilaksanakan di kawasan sungai, tasik, kolam dan paya daripada perikanan kawasan air masin.

Bantuan pihak berkenaan mesti dilaksanakan bagi memajukan sektor perikanan dengan menyediakan kemudahan seperti membina struktur contohnya tempat penyimpanan ikan, mewujudkan persatuan atau koperasi nelayan untuk membolehkan nelayan tempatan berdaya saing dan tidak dibelenggu kemiskinan.

Seterusnya menyediakan bantuan modal seperti subsidi minyak, bot, enjin dan pukut dan menyediakan sistem pemasaran berpusat di persisiran pantai atau sungai. Bagi memajukan sektor pertanian pula sangat penting menggiatkan teknologi bersesuaian berkait dengan industri pertanian untuk meningkatkan penghasilan dan keberkesanan dengan memodenkan sektor pertanian selain membantu meningkatkan pulangan pengusaha.

Di samping itu, mengikuti pameran pertanian antarabangsa dapat membantu hubungan 2 hala dengan lain negara untuk mengembangkan bidang berkaitan dengan pertanian dan perikanan. Pertanian hiliran juga boleh dilakukan untuk memasarkan satu produk lebih tahan lama dengan menghasilkan makanan segera dari sumber utama yang cepat buruk dan rosak. Contohnya kerepek mempunyai tempoh pasaran yang lebih lama tetapi mempunyai harga jualan yang agak tinggi.

Oleh itu petani atau nelayan yang sudah ada dan bakal menceburi bidang ini seharusnya diberi bantuan dengan pengetahuan yang tinggi tentang strategi pemasaran yang berkesan. Selain itu pengetahuan bioteknologi didedahkan juga kerana pengetahuan ke arah ini boleh mengurangkan kos pengeluaran meningkatkan hasil kurang penggunaan racun perosak dan pengetahuan pembiakan baka tidak perlu bersandar kepada import baka.

Oleh itu, kemudahan industri yang disebut di atas ini berpotensi ditambah

dan dilaksanakan di Daerah Tutong berdasarkan fizikal bumi, berhampiran pesisir laut dan sungai serta tanah yang subur tambahan pula kini telah banyak wujud perusahaan sektor pertanian dan agrimakanan di daerah ini.

Dari segi sektor pelancongan Daerah Tutong boleh dimajukan dengan penambahbaikan beberapa infrastruktur rumah puak-puak di Taman Sungai Basong *homestay* dan rumah panjang, Galeri Tasek Merimbun dan memajukan kawasan seberang sungai Pekan Tutong.

Selain itu disediakan juga tempat penginapan yang menarik dari segi keselesaan dengan pakej harga yang murah harus disertakan dengan pelbagai aktiviti seperti lawatan persekitaran alam semula jadi, *hiking*, bersampan, berkayak, memancing, persembahan kesenian dan kebudayaan puak-puak, makanan tradisional di samping makanan biasa dan menyediakan pelancong yang mengetahui akan keadaan dan sejarah setempat dan agen pelancong pemandu pula hendaklah menawarkan tiket pelancongan kepada semua destinasi bukan hanya menumpukan satu kawasan mukim sahaja agar pengusaha produk mukim yang lain dapat keistimewaan dan rezeki yang sama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan kebersihan alam sekitar kaola mengucapkan tahniah di atas kesungguhan pegawai dan kakitangan penguatkuasaan yang sentiasa men'gelinga' isu pembuangan sampah

dan puntung rokok yang sewenang-wenangnya.

Setiap hari kita mendengar individu atau syarikat yang dikenakan *compound*. Dalam perkara ini mungkin ada satu hal yang mungkin terlepas pandang iaitu kertas-kertas iklan perniagaan yang diselitkan pada *handle* dan *wiper* kenderaan tercicir dan berterbangan merata kawasan terutama kawasan premis membeli belah perlu juga diambil perhatian.

Saranan kaola dalam membantu mengiklankan perniagaan ini supaya setiap premis yang sering dikunjungi orang ramai agar dapat menyediakan papan pameran dengan dikenakan bayaran kepada yang mahu menampal kertas iklan dengan kadar yang bersesuaian.

Akhirnya, kaola sebelum mengundur diri ingin menyampaikan permohonan maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis Mesyuarat. Andainya ada terdapat kesilapan tutur kata dan suruk langkah kaola yang kurang elok sepanjang permesyuaratan ini. Kaola akhiri dengan 3 rangkap pantun:

Udang bekara menangkap susah,
Sukar dikesan sembunyinya lama,
Mesyuarat Negara tamatlah sudah,
Harap keputusan ditangani sempurna.

Catatan aksara di sebelah pagi,
Surat dituju waktunya subuh,
Segala bicara tiadalah lagi,
Kaola setuju untuk ditanggguh.

Bunga merah delima batang,
Ikan bermasa menjulut tulang,
Empat daerah wakil yang datang,
Tiba masa berundur pulang.

Sekian didoakan semoga kita semua mendapat rahmat diberkati dan sentiasa dalam perlindungan daripada
أمين يا الأمين رابال الله سبحانه وتعالى

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih yang setinggi-tingginya dan penghargaan dengan Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat bukan sahaja daripada tengah hari ini juga tetapi sejak pagi tadi.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kali Ketujuhbelas telahpun selesai kita laksanakan dengan sempurna dan seterusnya telah meneliti dan meluluskan Rang Undang-Undang 2021/2022, Perbekalan 2021/2022 meskipun kita berhadapan dengan jangka waktu yang mendesak.

Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya dan penghargaan yang ikhlas atas kerjasama yang telah diberikan kerana kita telah dapat melaksanakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini yang telah diadakan selama 11 hari dalam suasana yang penuh harmoni, muhibah dan saling

menghormati selaras dengan konsep kita Melayu Islam Beraja.

Ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya dan penghargaan juga saya tujukan khusus kepada pembantu-pembantu saya Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalannya, Yang Mulia Bentara-Bentara Dewan serta semua pegawai dan kakitangan termasuk mereka yang ditugaskan dari beberapa buah kementerian dan jabatan atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang diberikan dalam menyediakan pelbagai keperluan sepanjang permesyuaratan yang kita adakan ini.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini juga atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik termasuklah liputan media massa dan pihak kerajaan lain iaitu, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan serta media cetak di dalam negeri termasuklah surat khabar tempatan yang telah membolehkan orang ramai mendengar dan mengikuti perbincangan-perbincangan yang kita adakan secara terbuka sepanjang persidangan ini.

Saya juga ingin menyembahkan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli untuk Istiadat Pembukaan Rasmi

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 01 Syaaban 1442 bersamaan 15 Mac 2021 dan seterusnya baginda telah mengurniakan titah dalam majlis tersebut. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu jelas mencerminkan keprihatinan Baginda terhadap kemakmuran negara serta kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara kita ini.

Dalam pemerhatian saya perbincangan yang diadakan dalam Dewan ini telah dapat sedikit sebanyak memenuhi apa yang tersirat dalam kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, mengenai percambahan fikiran dan perlunya perbincangan diadakan dengan rancak tetapi sihat.

Di samping mencetuskan pemikiran menimbulkan perkara-perkara yang baharu Ahli-Ahli Yang Berhormat juga nampaknya bersungguh-sungguh memberikan perhatian kepada isu-isu yang berbangkit dengan penuh keprihatinan sama ada yang menyentuh mengenai kepentingan permintaan masyarakat di peringkat akar umbi mahupun dari segi perkongsian pandangan dan buah fikiran sematamata.

Semua ini seeloknya dibuat penelitian dan pertimbangan secara terperinci oleh pihak berkenaan akan kesesuaian dan

kemanfaatannya kepada kerajaan serta rakyat dan penduduk negara ini.

Ahli Yang Berhormat, di sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita juga telah mendengar mengenai pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini serta bagi perkembangan sosioekonomi dan kemakmuran negara yang berpanjangan.

Oleh itu, adalah wajar seterusnya bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama memberigakan dan mengongsikan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan kepada anak-anak buah kampung masing-masing ataupun *constituent* masing-masing untuk meningkatkan kesedaran serta kefahaman mengenai isu-isu yang berkenaan itu.

Saya telah menekankan dalam mesyuarat ini bahawa saya kira inilah kekuatan Majlis Mesyuarat Negara di negara kita ini yang kerajaan pihak kementerian masing-masing bersedia memberikan maklumat yang terkini yang saya kira tidak boleh didapatkan di mana-mana dan telah pun diberikan dengan keikhlasan oleh menteri-menteri yang berkenaan itu.

Saya harap kedua-dua belah pihak satu hari nanti saya ingin melihat bahawa apa yang disebut oleh menteri di sebelah sini akan dapat disebut juga oleh rakan-

rakan di sebelah bahawa menurut kerajaan inilah yang akan dibuat dan inilah rancangan-rancangannya mungkin kita akan menyoal. Bilakah ia akan dimulakan dan dapat diselesaikan? Saya kira perkara itu tidak timbul lagi. Usaha-usaha untuk mendapatkan penjelasan ataupun penerangan itu tidak seharusnya menunggu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun hadapan.

Oleh itu dialog dan sesi permuzakarahannya dengan kementerian kira adalah sesuai untuk diteruskan dari semasa ke semasa di luar Dewan yang mulia ini. Saya juga difahamkan dan menteri yang berkenaan juga telah menyuarakan akan kesediaan mereka menjumpai tuan dan puan semua di sebelah kiri saya bila-bila masa sama ada berkumpulan ataupun secara perseorangan untuk menimbang, berfikir bersama-sama sebelum keputusan muktamad dibuat oleh pihak kerajaan.

اللَّحْمُ لِلَّهِ , kita juga harus bersyukur kerana berkat doa yang terus dipanjatkan ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى Negara Brunei Darussalam telah berjaya membendung penularan wabak *COVID-19*. Semua ini atas berkat kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerajaan baginda mengenal pelbagai langkah bagi mengekang penularan pandemik *COVID-19* serta kerjasama dari semua pihak terutama sekali para petugas barisan hadapan dalam sama-sama mengatasi melalui pendekatan *Whole Of Nation Approach*. Kita hanya boleh terus

berdoa semoga keadaan ini akan berkekalan.

Akhir sekali marilah kita sama-sama berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat Diraja akan senantiasa dalam kebahagiaan, sihat walafiat serta mendapat petunjuk dan perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Maka dengan ucapan yang ringkas ini yang dapat saya petik dalam mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara kali ini dan mengikut Peruntukan 35 (1) dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara maka Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan pada satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan berjumpa lagi. Sekian,

**(Persidangan Majlis Mesyuarat
Negara ditangguhkan)**